

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
JURUTERBANG/PEMERIKSA JURUTERBANG**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT41, AT43/44, AT47/48, AT51/52, A53/54

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia

3. RINGKASAN TUGAS

Menentukan penerbangan awam dijalankan dengan selamat melalui pengawasan aktiviti berikut:

- i. Pelesenan semua ahli udara dan *Flight Dispatcher* penerbangan awam.
- ii. Pengeluaran sijil pengusaha udara dan pengawasan berterusan untuk semua pengusaha udara yang menjalankan aktiviti penerbangan awam.
- iii. Menentukan ahli udara dan kapal udara kompeten dan selamat melalui ujian penerbangan.
- iv. Menjalankan penyiasatan kemalangan udara apabila perlu.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT41

- a. Menilai dan meluluskan permohonan untuk pengeluaran lesen dan/ atau rating, mana yang sesuai.
- b. Meneliti permohonan untuk validasi lesen juruterbang asing dan/ atau rating untuk menentukan keperluan seterusnya.
- c. Mengendalikan penyelaras proses permohonan lesen dengan Pemeriksa Juruterbang dan pengendali ujian amali.
- d. Melayan dan menjawab tindak balas yang sepatutnya kepada semua pertanyaan berkaitan keperluan pelesenan anak kapal.
- e. Mengemaskinikan rekod peribadi krew udara dikemas kini dan disimpan dengan selamat.

- f. Berhubung dengan pejabat pelesenan negara lain berkaitan dengan prosedur pelesenan.
- g. Membantu persediaan bajet yang tepat dengan Bahagian Pentadbiran untuk mendapat bantuan dari segi alat tulis dan anggota perkeranian untuk kelicinan perjalanan pejabat pelesenan.
- h. Menilai pemohon anggota tentera kelayakan mereka sebelum diberi pengecualian dari peperiksaan teori dan ujian penerbangan.
- i. Melaksanakan pemeriksaan seperti base, station facility, apron, *en-route* dan kabin pada waktu-waktu yang ditetapkan untuk mengawal dan mengawasi tahap operasi penerbangan ke atas syarikat-syarikat penerbangan negara dan antarabangsa.
- j. Memastikan bahawa pengawasan dan pemeriksaan mengikut prosedur dan kehendak yang ditetapkan untuk tujuan keseragaman.
- k. Memberitahu syarikat-syarikat penerbangan secara bertulis mengenai sesuatu kekurangan yang terdapat di dalam operasi penerbangan masing-masing.
- l. Mengambil langkah-langkah yang wajar seperti pemberitahuan tindakan pembetulan kepada syarikat-syarikat penerbangan bersabit dengan sesuatu kekurangan.
- m. Melengkapi, menilai dan menganalisis laporan-laporan pemeriksaan syarikat penerbangan untuk tindakan seterusnya.
- n. Menjalankan penyiasatan terhadap semua kesalahan undang-undang udara oleh syarikat-syarikat penerbangan.
- o. Sentiasa membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti manual prosedur dan arahan yang disediakan oleh syarikat-syarikat untuk anggota-anggotanya bagi memastikan ianya adalah tepat.
- p. Memastikan lesen penerbangan dan *rating* kapal udara sentiasa sah.
- q. Menentukan piawaian dalam pengujian kapal udara di negara ini adalah di tahap yang tinggi dengan adanya pengawasan yang rapi dan teliti terhadap program-program pengujian kapal udara bagi pesawat baru *prototype*, *series* dan *in-service*.

- r. Membuat kerja-kerja penyelidikan dalam aspek pengujian kapal udara untuk membantu perkembangan dalam keperluan *airworthiness* bagi masa depan.
- s. Melaksanakan khidmat kepakaran dalam hal-hal berikut:
 - i. Menguji terbang ke atas kapal udara baru, *series* dan *in-service*.
 - ii. Nasihat terhadap aspek penerbangan kepada bahagian DCA lain dan agensi luar.
 - iii. Mengkaji dan menentukan spesifikasi serta membuat evaluasi dan ujian penerimaan simulator kapal udara.
 - iv. Penyiasatan kemalangan kapal udara (dari aspek aircraft handling, performance and behaviour).
 - v. Meneliti isi kandungan manual kapal udara, terutama di bahagian penerbangan.
- t. Menentukan kemahiran penerbangannya sentiasa berada di tahap yang tinggi melalui penerbangan operasi dengan kapal udara kepunyaan syarikat awam.
- u. Menjalankan lain-lain tugas yang diarah oleh pegawai atasan.

4.2 Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT43/44

- a. Menilai dan meluluskan permohonan untuk pengeluaran lesen dan/ atau rating, mana yang sesuai.
- b. Menilai permohonan untuk validasi lesen juruterbang asing dan/ atau rating untuk menentukan keperluan seterusnya.
- c. Menyelaraskan proses permohonan lesen dengan Pemeriksa Juruterbang dan pengendali ujian amali.
- d. Menentukan tindak balas yang sepatutnya kepada semua pertanyaan berkaitan keperluan pelesenan anak kapal.
- e. Menentukan rekod peribadi krew udara dikemas kini dan disimpan dengan selamat.
- f. Menjalinkan hubungan yang baik dengan pejabat pelesenan negara lain berkaitan dengan prosedur pelesenan.
- g. Menjalinkan hubungan yang baik dengan Bahagian Pentadbiran untuk mendapat bantuan dari segi alat tulis dan anggota perkeranian untuk kelicinan perjalanan pejabat pelesenan.

- h. Menilai kelayakan anggota tentera untuk diberi pengecualian dari peperiksaan teori dan ujian pelesenan.
- i. Mengawas penyediaan dan penyemakan kurikulum peperiksaan dan keperluan peperiksaan untuk pelbagai lesen dan *rating*.
- j. Menyedia dan mengekalkan satu lesen untuk menentukan teknik peperiksaan yang efektif dan sesuai untuk kegunaan semasa dan mengikut lesen-ciri antarabangsa.
- k. Menentukan bahawa kelayakan pemeriksa juruterbang di Bahagian Operasi Penerbangan, termasuk lesen dan *rating* kapal udara sentiasa sah.
- l. Melaksanakan pemeriksaan seperti *base, station facility, apron, en-route* dan kabin pada waktu-waktu yang ditetapkan untuk mengawal dan mengawasi tahap operasi penerbangan ke atas syarikat-syarikat penerbangan negara dan antarabangsa.
- m. Memastikan bahawa pengawasan dan pemeriksaan mengikut prosedur dan kehendak yang ditetapkan untuk tujuan keseragaman.
- n. Memberitahu syarikat-syarikat penerbangan secara bertulis mengenai sesuatu kekurangan yang terdapat di dalam operasi penerbangan masing-masing.
- o. Mengambil langkah-langkah yang wajar seperti pemberitahuan tindakan pembetulan kepada syarikat-syarikat penerbangan bersabit dengan sesuatu kekurangan.
- p. Melengkapi, menilai dan menganalisis laporan-laporan pemeriksaan syarikat penerbangan seperti terdapat di para 1. untuk tindakan seterusnya.
- q. Menjalankan penyiasatan terhadap semua kesalahan undang-undang udara oleh syarikat-syarikat penerbangan.
- r. Membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti manual prosedur dan arahan yang disediakan oleh syarikat-syarikat untuk anggota-anggotanya bagi memastikan ianya adalah tepat.
- s. Memastikan lesen penerbangan dan *rating* kapal udara sentiasa sah.

- t. Membantu menjalankan piawaian dalam pengujian kapal udara di negara ini adalah di tahap yang tinggi dengan adanya pengawasan yang rapi dan teliti terhadap program-program pengujian kapal udara bagi pesawat baru *prototype, series dan in-service*.
- u. Menjalankan lain-lain tugas yang diarah oleh pegawai atasan.

4.3 Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang Gred AT47/48

- a. Mengetuai unit- unit di Bahagian Operasi Penerbangan.
- b. Mentadbir pejabat Unit Pelesenan dan Peperiksaan termasuk memproses permohonan lesen-lesen anak kapal.
- c. Memeriksa semua permohonan lesen-lesen anak kapal untuk menentukan bahawa data adalah tepat dan betul.
- d. Menyimpan semua rekod-rekod ujian penerbangan, tindakan disiplin, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain perkara berkenaan anak kapal.
- e. Mengkoordinasi dengan unit pemeriksaan teori sebelum melulus dan mengeluarkan lesen dan *rating* penerbangan kepada anak kapal.
- f. Menentukan perkhidmatan kaunter dan pemungutan hasil mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.
- g. Menjawab dan menerangkan semua pertanyaan surat-menyurat mengenai polisi, prosedur dan kehendak berkaitan dengan lesen dan *rating* anak kapal yang telah ditetapkan.
- h. Membantu unit peperiksaan teori di dalam menyediakan, melaksanakan dan menyemak peperiksaan *Air Law* dan *Radio Telephony*.
- i. Membantu melaksanakan pemeriksaan seperti *base, station facility, apron, en-route* dan kabin pada waktu-waktu yang ditetapkan untuk mengawal dan mengawasi tahap operasi penerbangan ke atas syarikat-syarikat penerbangan negara dan antarabangsa.
- j. Membantu memastikan bahawa pengawasan dan pemeriksaan mengikut prosedur dan kehendak yang ditetapkan untuk tujuan keseragaman.
- k. Memberitahu syarikat-syarikat penerbangan secara bertulis mengenai sesuatu kekurangan yang terdapat di dalam operasi penerbangan masing-masing.

- l. Mengambil langkah-langkah yang wajar seperti pemberitahuan tindakan pembetulan kepada syarikat-syarikat penerbangan bersabit dengan sesuatu kekurangan.
- m. Melengkapi, menilai dan menganalisis laporan-laporan pemeriksaan syarikat penerbangan untuk tindakan seterusnya.
- n. Menjalankan penyiasatan terhadap semua kesalahan undang-undang udara oleh syarikat-syarikat penerbangan.
- o. Sentiasa membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen seperti manual prosedur dan arahan yang disediakan oleh syarikat-syarikat untuk anggota-anggotanya bagi memastikan ianya adalah tepat.
- p. Memastikan lesen penerbangan dan *rating* kapal udara sentiasa sah.
- q. Membantu menentukan piawaian dalam pengujian kapal udara di negara ini adalah di tahap yang tinggi dengan adanya pengawasan yang rapi terhadap program-program pengujian kapal udara bagi pesawat baru *prototype*, *series* dan *in-service*.
- r. Membantu Ketua Unit Uji Terbang dan Simulator dalam meluluskan organisasi unit uji terbang di industri kapal udara.
- s. Menjalankan lain-lain tugas yang diarah oleh pegawai atasan.

4.4. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT51/52

- a. Membantu Pengarah dalam menentukan Ujian Teori Penerbangan Ujian penerbangan dijalankan dengan bertanggungjawab.
- b. Membantu pelaksanaan pembangunan, pemeliharaan mutu, pengawalan amalan dan prosedur untuk pelesenan anak kapal.
- c. Membantu pembangunan dan mewujudkan peraturan-peraturan, arahan dan prosedur pelesenan. Ia seterusnya dimaklumkan kepada pengusaha-pengusaha.
- d. Menjalankan melalui pemeriksaan dari masa ke semasa pengusaha-pengusaha mematuhi peraturan-peraturan, mutu dan prosedur udara yang ditetapkan.
- e. Membantu dan memeriksa pengusaha-pengusaha mempunyai kemudahan, latihan dan anggota yang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas pelesenan.

- f. Mengkoordinasi aktiviti anggota pelesenan dengan bahagian lain dalam DCA.
- g. Mewujudkan dan pemeliharaan program ujian penerbangan anak kapal untuk tujuan pengeluaran lesen dan *rating*.
- h. Menjalankan penilaian program dan sukatan pelajaran latihan penerbangan di sekolah penerbangan yang bertauliah.
- i. Membantu pengarah menentukan piawaian dalam pengujian kapal udara di negara ini adalah di tahap yang tinggi dengan adanya pengawasan yang rapi dan teliti terhadap program-program pengujian kapal udara bagi pesawat baru *prototype*, *series* dan *in-service*.
- j. Membantu pengarah untuk menentukan unit uji terbang dan simulator dalam meluluskan organisasi unit uji terbang di industri kapal udara.
- k. Membuat kerja-kerja penyelidikan dalam aspek pengujian kapal udara untuk membantu perkembangan dalam keperluan *airworthiness* bagi masa depan.
- l. Menjalankan lain-lain tugas yang diarah oleh pegawai atasan.

4.5 Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang Gred AT53/54 (Pengarah Operasi Penerbangan)

- a. Pengarah Operasi Penerbangan adalah Ketua Bahagian dan bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam.
- b. Bertanggungjawab memastikan keberkesanan tugas semua unit yang terletak di bawah Bahagian Operasi Penerbangan.
- c. Menggubal dasar-dasar pelaksanaan, pengawasan dan pindaan ke atas tahap operasi penerbangan syarikat dan anak kapal negara.
- d. Merancang tugas penilaian dan pemeriksaan terhadap operasi syarikat penerbangan dan anak kapal untuk pengeluaran sijil operasi dan lesen penerbangan.
- e. Bertanggungjawab menentukan bahawa kegiatan operasi syarikat penerbangan di negara ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam MCAR 1996.
- f. Bertanggungjawab menentukan tahap dan taraf ujiterbang pesawat dan ujian penerbangan di buat mengikut peraturan-peraturan yang telah di tetapkan.

- g. Bertanggungjawab bahawa dasar, perundangan, prosedur dan tahap operasi syarikat penerbangan di negara ini sentiasa mematuhi kehendak-kehendak ICAO dan badan-badan antarabangsa yang lain untuk tujuan mengekalkan dan mendapatkan pengiktirafan dan hak pendaratan antarabangsa.
- h. Memastikan bahawa operasi penerbangan syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara ini mematuhi perundangan negara dan kehendak-kehendak ICAO.
- i. Mengurus dan mentadbir Bahagian Operasi Penerbangan, termasuk merancang keperluan kewangan dan latihan kakitangan.
- j. Mengawasi penyiasatan serta memberi khidmat nasihat berkenaan laporan kejadian udara bagi tujuan pencegahan dan pengawalan.
- k. Bertanggungjawab merancang dan mengawal pentadbiran Unit Uji Terbang dan Simulator untuk memastikan tugas-tugas dijalankan dengan berkesan.
- l. Menjalankan lain-lain tugas yang diarah oleh pegawai atasan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Bahagian Pengangkutan Udara, *Airworthiness* dan Kalibrasi juga lain-lain divisyen dalam Jabatan.

Luaran

- a. Semua Kementerian/ Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, semua agensi/ Badan Berkanun, semua Kerajaan Tempatan dan individu yang berurusan.
- b. Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan/ Swasta dalam dan luar negara.
- c. Agensi antarabangsa seperti ICAO, CAA, FAA, JAA dan sebagainya.
- d. Syarikat-syarikat penerbangan dalam luar negara.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam negara dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Memiliki lesen penerbangan ATPL kapal terbang atau helikopter dan mempunyai jam penerbangan melebihi 1500 jam.
- b. Mempunyai pengalaman sebagai jurulatih penerbangan dari institusi yang berkenaan.
- c. Berkebolehan untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan baik secara lisan dan juga bertulis.
- d. Mempunyai personaliti yang baik dan boleh bersikap professional di dalam melaksanakan tugas terutama apabila berhadapan dengan pelanggan-pelanggan.
- e. Berkebolehan menulis laporan yang berkualiti dan tepat.
- f. Berkebolehan menggunakan komputer dengan baik.
- g. Berupaya merancang tugas-tugas dengan baik dan dapat melakukan sesuatu pekerjaan secara efisien.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesional.
- d. Adil dan saksama.
- e. Boleh bekerjasama.
- f. Mempunyai disiplin yang tinggi.
- g. Kerahsiaan.
- h. Kompetensi dan ketelitian.
- i. Tahap kesihatan yang tinggi.

k. Mempunyai daya kepimpinan dan pengurusan.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti audit luar pejabat.
- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Risiko terdedah kepada penyelewengan.
- e. Tekanan (*stress*).
- f. Terdedah kepada kemalangan pesawat dan kecederaan semasa menjalankan tugas.

Sumber: Surat daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Ruj. (38)DCA/TAD/a/13.69(S) Jld.3 bertarikh 14 Mei 2012.